

Mohamed Apandi terima Ijazah Kehormat

KUALA TERENGGANU 21 OKT. - Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, 67, hari ini dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Undang-undang daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) sebagai pengiktirafan kepada sumbangan serta ketokohnya sepanjang 44 tahun dalam bidang perundangan di Malaysia.

Selain beliau, Gabenor Sulawesi Selatan, Indonesia, Dr. H. Syahrul Yasin Limpo menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan dan Kepimpinan atas kejayaan beliau membangunkan wilayah tersebut.

Pengurniaan anugerah itu disempurnakan oleh Sultanah Terengganu yang juga Canselor Unisza, Sultanah Nur Zahirah dalam istiadat konvokesyen universiti tersebut di Dewan Al-Muktafi Bilal Shah di sini.

Turut berangkat Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan anakanda baginda, Tengku Fatimatuz Zahra'.

Yang hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Ahmaf Razif Abdul Rahman dan isteri, Toh Puan Seri Halina Zakaria; Pro Canselor Unisza, Tan Sri Prof. Dr. Mohd.

yang perlu disematkan dalam dada. "Terima kasih kepada Unisza atas penganugerahan ini, saya gembira memperolehnya dari sebuah universiti di Terengganu kerana secara tidak langsung membangkitkan nostalgia permulaan perjalanan saya dalam perkhidmatan kehakiman dan bidang perundangan Malaysia selepas menamatkan pengajian di United Kingdom apabila dilantik sebagai Majistret Mahkamah Kuala Terengganu pada 1973 diikuti Timbalan Pendakwa Raya bagi negeri Kelantan dan Terengganu pada 1977.

Seramai 2,359 graduan Unisza menerima ijazah dan diploma masing-masing pada istiadat konvokesyen itu bermula hari ini hingga Isnin.

Daripada jumlah itu, 18 graduan dianugerahkan ijazah doktor falsafah, 59 graduan sarjana, sarjana muda (1,321) dan diploma (961).

Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) diberikan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin), Mohamad Farid Abdul Talib, 24, dan Muhammad Fauzan Abdul Hamid, 25, (Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan).



SULTANAH NUR ZAHIRAH berkenan menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang kepada Mohamed Apandi Ali pada Majlis Konvokesyen Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) Kali Ke-9 di Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu, semalam. - MINGGUAN/AZLAN BAHRUM

Yusuf Md. Nor; Pengerusi Lembaga Pengarah universiti, Prof. Emeritus Datuk Dr. Kamarudin Hussin dan Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif.

Mohamed Apandi berkata, pengiktirafan yang diterima itu merupakan penghormatan ke-riti merupakan satu jenjara utama pada Jabatan Peguam Negara yang banyak membantu ke arah perjuangan dan perkembangan undang-undang di negara ini.

Katanya, sebagai individu di barisan hadapan dalam mendaulatkan perundangan, aspek integriti merupakan satu jenjara utama

22/10/2017
AHD